

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

## Gereja di Kuala Lumpur Mengadakan Syarahan Peringatan Antara Agama

Sebagai sebahagian daripada persahabatan antara Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dengan organisasi keagamaan di seluruh dunia, Majlis Komunikasi Malaysia selama ini turut memupuk hubungan antara agama secara tempatan. Gereja di Daerah Semenanjung Kuala Lumpur menjadi tuan rumah untuk Syarahan Peringatan Swami Satyananda ke-15 2022. Tema acara untuk tahun ini ialah Remaja, Kedamaian dan Krisis. Ia telah diadakan di Pusat Daerah Gereja yang baru dibuka di Petaling Jaya, Malaysia pada 16 Julai 2022 dari jam 9 pagi hingga 5 petang. Ia telah dihadiri oleh kira-kira 140 orang secara fizikal dan 30 orang melalui siaran Zoom.

Majlis tersebut telah dilancarkan oleh Yang Mulia Encik B.N. Reddy, Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, dan diserikan oleh Datin Paduka (Dr) Mother A. Mangalam (DSIS, KMN, PJK) dari Pure Life Society bersama-sama dengan Yang Mulia Annai Shree Kriyalakshmi Deviyar dari Kriyalakshmi Mandir Shree Sai Gurukul.

Terdapat lapan penceramah terkenal yang menyertai syarahan peringatan tahun ini. Berikut adalah penceramah dan syarahan yang mereka sampaikan:

- 1) Presiden Taitama Tolman, Presiden Misi Singapura Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir – “Kepimpinan Moral dan Inovatif dalam Remaja”
- 2) Guru Genevieve Tan Shu Thung, Presiden Sandhya Maarga Holistic Living Academy Malaysia – “Pendekatan Holistik untuk Membina Kuasa Hasrat yang Teguh dalam Remaja”
- 3) Soorya Krishnamoorthy, Pengasas Festival Soorya India dan Pergerakan Soorya di India – “Peranan Remaja dalam Memelihara Seni dan Budaya”
- 4) Dr. J.M. Sampath, PhD – “Peranan Remaja dalam Mengkalkan Kedamaian dan Keharmonian”
- 5) Tharma Pillai, Pengasas Bersama dan Pengarah Pembelaan Undi18 Malaysia – “Kuasa Penyertaan Remaja dalam Masa Krisis”
- 6) Dr. Swagata Sinha Roy, Penolong Profesor Bahasa Moden di Universiti Tunku Abdul Rahman Malaysia – “Membina Remaja Melalui Kerohanian dan Kemampanan”
- 7) Encik K. Haridas, Timbalan Pengerusi Interfaith Spiritual Fellowship Malaysia – Illiteracy di Malaysia”
- 8) Amir Farid Bin Che Isahak, Pengerusi Interfaith Spiritual Fellowship Malaysia – “Remaja dan Kedamaian – Cabaran dan Peluang”

Berikut adalah ucapan utama yang dipilih daripada setiap penceramah terkemuka ini:



### Presiden Taitama Tolman

Presiden Tolman menyampaikan jemputan kepada para remaja untuk terlibat secara aktif dalam pekerjaan keselamatan dan permuliaan seperti yang Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir ajarkan. Dia menyatakan, “Tuhan telah menyimpan banyak roh-Nya yang paling mulia, bahkan mungkin yang terbaik untuk masa dan zaman ini. Roh mulia itu adalah pemain dan wira terbaik. Mereka ialah anda, para remaja kita. Soalan yang kami ingin ajukan kepada setiap remaja adalah, adakah anda ingin menjadi sebahagian besar daripada cabaran terbesar, tujuan terbesar, dan pekerjaan terbesar di bumi hari ini?”

Dalam satu kenyataan yang dibuat semasa pembentangannya, Presiden Tolman berkongsi tujuh sifat yang berkaitan dengan kepimpinan inovatif: integriti, penjelasan peranan, keprihatinan terhadap kemampanan, orientasi manusia, bimbingan beretika, perkongsian kuasa dan keadilan.

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Di antara semua kualiti kepimpinan, integriti menunjukkan tahap tertinggi di antara banyak sifat kepimpinan bermoral dan beretika. Integriti diutamakan dalam kalangan remaja. Dia meneruskan dengan menyatakan, "remaja adalah pemimpin masa depan kita, dan remaja perlu cukup lengkap untuk membuat keputusan beretika yang sukar, bertanggungjawab atas keputusan mereka terhadap orang lain dan memahami implikasi tindakan mereka.

Oleh itu, integriti memberi impak kepada sifat kepimpinan beretika dalam kalangan remaja yang menjadi teladan untuk generasi akan datang, dan membolehkan mereka berkembang dalam persekitaran positif yang menggalakkan pertumbuhan peribadi, membangunkan kemahiran sepanjang hayat dan meningkatkan pembelajaran melalui pengalaman."



### Guru Genevieve Tan Shu Thung

"Walaupun manusia menetapkan banyak matlamat sepanjang hidupnya, dia yang mempunyai hasrat yang lemah akhirnya akan membiarkan kebanyakan matlamatnya pudar secara senyap. Visi manusia mudah terganggu oleh persekitarannya. Niat murni yang disertai dengan ketekunan dan tindakan adalah matlamat yang berbaloi manakala pemikiran yang difikirkan sekali-sekala tanpa ketekunan dan tindakan adalah pemikiran khayalan semata-mata," kongsi Guru Tan dalam membina hasrat yang kuat dalam masa muda.

### Encik Soorya Krishnamoorthy

"Remaja kita boleh bertindak sebagai jambatan antara budaya, dan melayani sebagai agen utama dalam menggalakkan kedamaian, persefahaman antara budaya, dan perubahan sosial yang positif, perubahan yang akan menghasilkan kesejahteraan ekonomi dan sosial yang lebih besar dalam perspektif pembangunan kemampunan untuk generasi akan datang. Budaya adalah pemacu yang kuat untuk pembangunan. Ia adalah penting untuk memelihara warisan budaya kita kerana ia mengekalkan integriti kita sebagai bangsa. Kepentingan warisan budaya adalah pernyataan kekayaan pengetahuan dan kemahiran yang boleh disampaikan melalui remaja dari satu generasi ke generasi seterusnya," kata Encik Krishnamoorthy tentang bagaimana remaja boleh mengambil bahagian secara aktif dalam memelihara seni dan budaya.



### Dr. J. M. Sampath, PhD

"Remaja boleh menjadi tenaga positif kepada pembangunan negara apabila dibekalkan dengan pengetahuan dan peluang yang sewajarnya. Khususnya, golongan muda harus memperoleh pendidikan dan kemahiran untuk membantu menangani cabaran yang dunia hadapi. Apabila diberi peluang untuk tunjukkan kuasa mereka, remaja boleh membuat perubahan besar dalam mewujudkan masa depan yang lebih baik di mana akan ada kedamaian dan keselamatan untuk individu berkembang dan masyarakat bertumbuh," komen Dr. Sampath tentang bagaimana remaja dapat mengekalkan kedamaian dan keselamatan serta membina dunia yang stabil dari segi emosi, sosial, ekonomi dan politik.

### Encik Tharma Pillai

"Remaja diletakkan secara unik untuk memainkan peranan yang berharga dan penting dalam inisiatif pertanggungjawaban yang diterajui rakyat, dan mestи diletakkan di tempat penggerak pertanggungjawaban. Remaja hari ini mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi daripada generasi sebelumnya. Mereka menjalin hubungan dengan masyarakat, bersemangat untuk mempersoalkan



(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

status quo, dan mereka menggunakan pendekatan inovatif untuk berkempen untuk tujuan yang layak dan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu penting di peringkat nasional atau global,” kata Encik Pillai tentang bagaimana remaja mempunyai kelebihan utama untuk mengambil bahagian untuk tujuan yang baik semasa krisis.



### Dr. Amir Farid bin Che Isahak

“Remaja kita harus melengkapkan diri mereka dengan kemahiran digital untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang besar dalam alam digital. Tidak pernah ada masa yang lebih baik untuk remaja berada di barisan hadapan dalam pamacu ekonomi yang melakarkan kesejahteraan ekonomi negara kita Malaysia dan membantu memastikan kedamaian dan kemakmuran kekal. Remaja memegang kunci masa depan kita,” luah Dr Amir Farid yang bercakap mengenai cabaran dan peluang untuk golongan remaja.

### Encik K. Haridas

“Literasi sahaja tidak menyelesaikan semua masalah yang dihadapi dunia hari ini, tetapi ia memberikan seseorang individu itu peluang dan kesempatan yang lebih baik. Untuk membaca, menulis, bercakap, mendengar dan merenung adalah semua aspek penting bagi individu yang celik huruf. Seseorang itu kemudiannya dapat berkomunikasi dengan segmen populasi yang lebih besar, serta menghargai emosi dan perasaan asas yang bahasa sampaikan,” kata Encik Haridas yang pesanannya tertumpu kepada buta huruf di Malaysia.

### Dr. Swagata Sinha Roy

“Hanya melalui kerohanian, remaja dapat merasakan tujuan, menangani tekanan dan belajar untuk mengampuni. Kesejahteraan rohani boleh memberikan rasa selamat yang kuat kerana ini membawa kepada pencarian sesuatu yang lebih mendalam, dan mungkin sesuatu yang lebih besar daripada remaja itu sendiri. Ia merangkumi melihat orang lain dengan mata belas kasihan, ingin menjangkau dan tidak tertumpu semata-matanya pada diri sendiri. Tindakan menawarkan pelayanan, dan menyumbang kepada tujuan yang baik boleh membimbing para remaja untuk berdamai dengan diri mereka sendiri dan dengan satu sama lain,” kata Dr. Swagata.



Syarahan peringatan itu mengalu-alukan ramai rakan pertubuhan yang mengambil bahagian dan sokongan mereka dalam menjayakan majlis tersebut. Jawatankuasa penganjur mengiktiraf ramai individu dan kumpulan atas kemurahan hati, pelayanan dan sumbangan mereka yang berharga.

Majlis Komunikasi Malaysia Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir menganggotai jawatankuasa kerja dengan The Pure Life Society of

Malaysia, Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF), dan Centre for Spiritual Advancement (CSA) untuk aktiviti dan acara antara agama dan amal. Mewakili Gereja dalam jawatankuasa kerja ialah Letty Sim sebagai Timbalan Pengurus, dan Sharon Wong di bawah Publisiti dan Media. Majlis merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur atas peluang untuk melayani dan untuk persahabatan berterusan yang dikongsi.